

15 pelajar Universiti Malaysia Pahang lawat Korea Selatan



SEMANGAT: 15 pelajar UMP yang akan berangkat ke Korea Selatan bergambar selepas perasmian Koreiv'07 di Gambang, Kuantan, kelmarin.

KUANTAN: 'Usaha tangga kejayaan', itulah pepatah yang diamalkan 15 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini yang bakal berangkat ke Korea Selatan hari ini.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela, berkata idea untuk mengadakan Program Lawatan Akademik Korea Selatan 2007 (Koreiv '07) itu bukan saja dicetuskan kumpulan mahasiswa terbabit, malah pelaksanaan-nya dilakukan oleh mereka sendiri.

Katanya, penganjuran program lapan hari tujuh malam itu ialah inisiatif yang dilakukan bagi memenuhi kualiti modal insan terbaik kerana ia bukan saja menuntut pelajar bidang kejuruteraan untuk memiliki kepakaran dalam bidang terbabit, malah mendalami kemahiran luaran lain.

"Program Koreiv'07 mendapat penajaan utama daripada Hei-Tech Padu

Sdn Bhd yang menekankan dua fokus utama iaitu perkongsian ilmiah menerusi penyelidikan bersama mahasiswa Universiti Hanyang serta mempelajari cara hidup serta kemahiran insaniah yang diamalkan oleh masyarakat Muslim di Seoul.

"Sehubungan itu, 15 pelajar yang dipilih untuk menyertai dan melaksanakan program ini sangat bertuah kerana pengalaman menguruskan agenda program lawatan akademik ke luar negara adalah aset berharga," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya sebelum menyempurnakan Majlis Perasmian Koreiv'07 di UMP dekat sini, semalam.

Pengarah Projek, Muhd Bashori Abu Bakar, 22, berkata persediaan untuk program lawatan akademik ke luar negara itu disifatkan sebagai projek paling mencabar kerana ia adalah

tugasan besar pertama yang pernah dipikul.

Anak kelahiran Kedah itu berkata, bagaimanapun kerjasama antara rakan sekumpulan terutama sekali dalam mendapatkan penajaan daripada syarikat swasta serta badan kerajaan, banyak membantu dalam menjayakan program berkenaan.

Timbalan Pengarah Projek II, Dewi Haryani Sulaiman, 22, berkata banyak peristiwa yang mereka lalui sepanjang merealisasikan program berkenaan dan paling menarik, selain belajar bahasa Korea menggunakan cakera padat, peserta turut menonton banyak drama bersiri dari negara itu.

"Antara drama bersiri yang kami tonton dalam usaha mempelajari bahasa Korea termasuk drama Full House, Sassy Girl, Autumn in My Heart dan Winter Sonata," katanya.